



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
12 JANUARI 2018 (JUMAAT)

AKHBAR	MUKA SURAT
The Star	
- MPAJ CAR-FREE DAY	04
Berita Harian	
- Susur masuk AKLEH ditutup berperingkat	55
Utusan Malaysia	
- UTC mampu jadi nadi Keramat Mall	26



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 12 JANUARI 2018 (JUMAAT)	
Akhbar	The Star
Tajuk Berita	MPAJ CAR-FREE DAY
Muka Surat	04

0331.
MPAJ CAR-FREE DAY 78 12/1/18
M/S 04
Ampang Jaya Municipal Council will be having its first car-free event on Sunday, from 6.30am to 10am, along Jalan Pandan Utama, Pandan Indah and around Padang Perbandaran. The roads will be closed during the event, so motorists are advised to use alternative routes. For details, call 03-4285 7271.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 12 JANUARI 2018 (JUMAAT)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Susur masuk AKLEH ditutup berperingkat
Muka Surat	55

Susur masuk AKLEH ditutup berperingkat

BH 12/1/18 Ms 55

Kuala Lumpur: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan memulakan kerja rancangan tebatan banjir di susur masuk Jalan Tun Razak secara berperingkat bermula hari ini.

Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (PROLINTAS), dalam kenyataan di sini, semalam, berkata jadual penutupan di susur masuk Lebuhraya Bertingkat Ampang - Kuala Lumpur (AKLEH) bermula jam 11 malam hingga 4 pagi, mengikut tarikh tertentu iaitu 12 hingga 14 Januari, 19 hingga 22 Januari dan 26 hingga 29 Januari.

Justeru, laluan alternatif ke Jalan Tun Razak adalah menerusi Jalan Ampang dan Jalan Yap Kwan Seng, manakala untuk ke Jalan Sultan Ismail (pusat bandar raya) menerusi Jalan Raja Abdul Aziz dan Jalan Raja Abdullah.

Pengguna lebuhraya dinasihatkan menggunakan laluan alternatif ke pusat bandar sepanjang tempoh kerja dijalankan.

Pengguna lebuhraya boleh mengikuti maklumat trafik terkini di Twitter - @AKLEHtrafik, dan web www.prolintas.com.my serta Facebook Page di PROLINTAS Highways.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 12 JANUARI 2018 (JUMAAT)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	UTC mampu jadi nadi Keramat Mall
Muka Surat	26

UTC mampu jadi nadi Keramat Mall

un M/S 26
12/1/18

KUALA LUMPUR 11 Jan. - Pembukaan Pusat Tranformasi Bandar (UTC) yang dijanjikan bagi menghidupkan semula Keramat Mall sudah menampakkan hasil apabila rata-rata peniaga mengakui perniagaan mereka semakin berkembang.

Tinjauan *Utusan Malaysia* juga mendapati kompleks berkenaan yang dahulunya seolah-olah 'mati' kini kembali ceria dan terus dikunjungi pelanggan untuk membeli-belah atau berurusan di UTC yang terletak di aras tiga.

Seorang peniaga **Noor Lizah Salman**, 51 mengakui, perniagaan kulhnya bertambah maju selepas UTC dibuka di Keramat Mall sejak tiga tahun lepas.

"Saya sudah berniaga di sini selama lima tahun. Setiap bulan pendapatan yang diperolehi hanya kira-kira RM 1,000 namun meningkat kepada RM 4,000 setelah UTC mula beroperasi," katanya kepada *Utusan Malaysia*



KERAMAT Mall terus dikunjungi pelanggan, terutama mereka yang mahu berurusan di UTC di aras tiga bangunan tersebut.

di sini.

Sementara itu, **Mohd. Noh Ahmad**, memberitahu, jika sebelum UTC beroperasi pusat perniagaan itu suram dan sunyi.

"Orang ramai kini lebih gemar datang ke Keramat Mall sejak wujudnya UTC. Biasanya mereka

datang ke sini kerana mempunyai urusan di UTC yang menyediakan pelbagai perkhidmatan utama kerajaan dan sektor swasta kepada komuniti bandar di dalam satu pusat sehati.

"Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga diharap



NOORLIZAH



MOHD. NOH AHMAD

dapat menyediakan kemudahan seperti petunjuk arah bagi memudahkan pengunjung untuk mencari tempat dituju di sini," ujarnya.

Bagi **Dzulakmarini Mat Sidi** pula berkata, dia mengunjungi Keramat Mall setelah ditugaskan di salah sebuah agensi kerajaan berhampiran.

Menurutnya, lokasi tersebut menjadi pilihan kepadanya untuk makan tengah hari.

"Harga makanan di sini bukan sahaja sedap tetapi turut menawarkan harga yang berpatutan," katanya.



PELANGGAN memenuhi gerai makan yang beroperasi di aras dua Keramat Mall, Kuala Lumpur. -**UTUSAN/ GAIE UCHEL**